



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI**  
**DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION**  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
*Department Of Higher Education*  
Kementerian Pengajian Tinggi  
*Ministry of Higher Education Malaysia*  
Aras 9, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | **JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI**

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

**Fail Kami: JPT.S(BPKI)2000/010/02/015Jld. 5 ( 84)**  
**Tarikh : 28 September 2020**

**YBrs. Prof. Dr. Suriani binti Abu Bakar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim

**PERAK**

Melalui

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamad Shatar bin Sabran**

Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim

**PERAK**

YBrs. Prof.,

**PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN PENERUSI JAWATANKUASA  
KERJA KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PROGRAM JABATAN  
PENDIDIKAN TINGGI - DANA PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Program Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) - Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) telah dipilih sebagai salah satu program Kajian Penilaian Outcome (KPO) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Tahun 2020. Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome merupakan salah satu kaedah dalam mengukur pencapaian program pembangunan yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan dari segi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri termasuk Badan-

badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil Kajian Penilaian Outcome DPF - KPT akan dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri melalui Modul Pemantauan Outcome (MPO) Sistem Pemantauan Projek II (SPP II).


3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa YBrs. Prof. dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bagi Kajian Penilaian Outcome Program JPT - DPF KPT berkuatkuasa daripada tarikh surat ini sehingga 31 Disember 2020. Pihak Kementerian mengucapkan tahniah di atas pelantikan tersebut dan berharap agar YBrs. Prof. dapat membantu Jawatankuasa ini melaksanakan tugas dengan cemerlang dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. Bersama-sama ini disertakan Terma Rujukan Jawatankuasa Kerja Kajian Penilaian Outcome Program JPT - Dana Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pengajian Tinggi seperti di Lampiran A. Kerjasama YBrs. Prof. adalah dipohon untuk mengembalikan Borang Penerimaan Pelantikan seperti di Lampiran B. Kerjasama dan perhatian YBrs. Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)**

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi